



جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

23 SAFAR 1448H/7 OGOS 2026M

“DUNIA MEDAN UJIAN: ANTARA SABAR DAN SYUKUR”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ أُوصِيكُمْ، وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Berikanlah nasihat dan berlapang dada dalam menerima nasihat kerana nasihat itu bermanfaat serta menyedarkan kita daripada kelalaian dan kealpaan. Justeru, khatib berpesan kepada diri khatib sendiri dan juga jamaah Jumaat yang dirahmati agar sentiasa berada dalam landasan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Pada hari Jumaat yang penuh kemuliaan ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: ***“Dunia Medan Ujian: Antara Sabar dan Syukur.”***

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Dalam menelusuri kehidupan di dunia ini, tidak ada seorang pun manusia yang terlepas daripada melalui *sunnatullah* iaitu ditimpa ujian. Dalam Islam, ujian atau *al-Ibtala'* merujuk kepada segala *ikhtibar*, dugaan, serta ketentuan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap hamba-Nya. Ujian ini bukanlah bertujuan untuk menzalimi atau merendahkan martabat manusia, melainkan sebagai wadah untuk menilai sejauh mana keimanan, kesabaran, dan keikhlasan kita dalam menghambakan diri kepada-Nya.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Hakikatnya, dunia ini merupakan medan ujian bagi kita semua. Allah SWT tidak menjadikan pentas dunia ini untuk kita bersenang-lenang tanpa tujuan, melainkan sebagai medan ujian yang paling besar untuk menyaring siapakah dalam kalangan kita yang paling baik amalnya. Ini jelas terakam dalam firman Allah SWT melalui surah al-Kahfi, ayat 7, yang khatib bacakan di awal khutbah tadi **yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di atas bumi sebagai perhiasan baginya, agar Kami menguji mereka, siapakah di antara mereka yang lebih baik perbuatannya”*.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam konteks kehidupan kita sebagai hamba Allah SWT, kita kena yakin bahawa setiap ujian yang hadir daripada Allah SWT mengikut hikmah dan kehendak-Nya yang Maha Bijaksana. Justeru, tidak menghairankan apabila ujian itu hadir dalam pelbagai bentuk seperti kesusahan dan kesulitan, ketakutan dan kegelisahan, kekurangan dan kemusnahan harta benda, kelaparan dan kegawatan hidup, kegagalan dalam sesuatu usaha dan kehilangan jiwa insan tersayang sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ
وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta benda, jiwa dan buah-buahan; dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

Justeru, sebagai umat Islam kita perlu menginsafi suatu hakikat bahawa semua bentuk ujian ini diturunkan kepada kita untuk menilai sejauh mana keteguhan iman, kesabaran, serta pergantungan kita sebagai hamba terhadap Allah SWT apabila berada dalam situasi yang menyempitkan dada.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Apabila al-Quran menerangkan konsep ujian, sudah pasti tidak akan lari daripada perkataan *zinatun* (perhiasan), *fitnatun* (alat ujian) dan *al-Ibtala'* (ujian). Konsep ini disebutkan dengan jelas di dalam al-Quran seperti anak-anak dan harta merupakan *fitnatun* (alat ujian) kepada manusia melalui firman Allah SWT dalam surah at-Taghabun, ayat 15, **yang bermaksud:** “Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar”.

Melalui ayat al-Quran ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Allah SWT menciptakan perhiasan dunia dalam pelbagai bentuk seperti anak-anak dan harta lantas menjadi alat ujian bagi umat manusia mengikut kepada kecenderungan masing-masing. Kemudian, mereka akan diuji mengikut apa yang mereka tertarik kepadanya. Ingatlah bahawa ujian Allah SWT tidak pernah terhad kepada satu warna kehidupan sahaja.

Hakikatnya, ujian itu datang menyapa kehidupan manusia dalam dua wajah sama ada melalui wajah kesusahan atau wajah kesenangan. Hal ini dinyatakan dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya', ayat 35, **yang bermaksud:** *“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati; dan Kami menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya); dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.”*

Apabila ditimpa musibah, kesakitan, kemiskinan, mahupun kegagalan, kita sering kali tersedar bahawa diri kita sedang diuji lantas memerlukan kesabaran yang tinggi untuk melewati ujian tersebut. Namun, apabila ujian itu hadir dalam bentuk kesenangan betapa ramai manusia yang alpa dan terperdaya lantas, tidak bersyukur bahkan menambahkan kelalaian dalam hati mereka dan membibitkan benih kesombongan tanpa sedar.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Jika kita menyingkap lembaran sejarah dan kisah umat terdahulu, al-Quran telah menukilkan pengajaran yang sangat bernilai kepada kita semua tentang bagaimana manusia mendepani kedua-dua bentuk ujian ini. Lihatlah betapa agungnya kesabaran yang diajarkan oleh Nabi Ayub a.s apabila baginda diuji dengan penderitaan penyakit yang berat serta kehilangan harta dan anak-pinak bertahun-tahun lamanya. Sungguhpun dalam keadaan diuji sedemikian rupa, namun baginda tetap utuh mengabdikan diri kepada Allah SWT tanpa sedikit pun berprasangka buruk.

Demikian pula kisah Qarun, seorang manusia dari kaum Nabi Musa a.s yang diberikan kesenangan dan kekayaan yang luar biasa sebagai bentuk

ujian, namun akhirnya tewas dengan ujian tersebut apabila harta dan kekayaan tersebut menghadirkan bibit keangkuhan dalam jiwanya sehingga dia mendakwa segala kekayaan itu adalah atas kepandaian dirinya sendiri, lalu Allah SWT menenggelamkan Qarun bersama-sama seluruh harta kemewahannya ke dalam perut bumi.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Yakinlah bahawa setiap ujian yang menimpa kehidupan manusia, tersirat 1001 hikmah yang amat mendalam daripada Allah SWT. Ujian bukanlah tanda kebencian mahupun kemurkaan Allah SWT kepada hamba-Nya, sebaliknya merupakan bukti kasih sayang dan perhatian-Nya untuk mendidik serta mematangkan jiwa manusia. Antara hikmah ujian yang Allah SWT berikan kepada manusia termasuklah sebagai penghapus dosa-dosanya yang lalu. Hikmah yang indah ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW menerusi sebuah hadis sahih:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

Maksudnya: *“Tidaklah seorang Muslim ditimpa keletihan, penyakit, kesusahan, kesedihan, kesakitan, mahupun kebingungan, sehinggakan duri yang mencucuknya melainkan Allah akan menghapuskan dosa-dosanya dengan sebab musibah tersebut.”* (Riwayat al-Bukhari)

JAMAAH YANG BERBAHAGIA,

Kesimpulan khutbah Jumaat pada hari ini, sekali lagi khatib ingin berpesan marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan erti ketakwaan yang sebenarnya. Lihatlah ujian yang diberikan oleh Allah SWT sebagai suatu teguran yang menginsafi lantas jua

sebagai nikmat yang perlu disyukuri. Sehubungan dengan itu, fahamilah akan perkara yang berikut:

Pertama: Dunia ini merupakan medan ujian kepada umat manusia. Justeru itu, bangkitlah daripada lena dan alpa agar dunia ini menjadi bekalan pahala di akhirat kelak.

Kedua: Anak-anak, harta-benda, wanita, perasaan takut dan seumpamanya merupakan alat ujian kepada umat manusia mengikut kecenderungannya. Oleh yang demikian bersederhanalah dalam menghadapi ujian-ujian tersebut.

Ketiga: Ujian hadir dalam bentuk kesenangan dan kesulitan. Maka tatkala diuji dengan kesenangan lafazkanlah kesyukuran, sebaliknya ketika diuji dengan kesulitan hadapilah dengan kesabaran.

Justeru, menutup khutbah pada hari Jumaat yang mulia ini, renungilah firman-Nya, di dalam surah al-Mulk, ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا... ﴿٢﴾

Maksudnya: “Dialah yang menciptakan mati dan hidup untuk menguji kamu, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya...”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman.

Ya Allah, jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, timpakanlah azab dan kekuasaan-Mu ke atas para penzalim yang melampaui batas, runtuhkanlah kesombongan mereka, dan goncangkanlah bumi di bawah telapak kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com